

Dhabitah makin menjadi

Berjaya memenangi pingat pertamanya pada Kejohanan Dunia

Syazwan Msar

mohdsyazwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bagaikan mimpi menjadi kenyataan buat penerjun wanita negara, Nur Dhabitah Sabri apabila berjaya memenangi pingat pertamanya pada Kejohanan Dunia di Budapest, Hungary dalam acara 10 meter (m) platform bersama gandingannya, Datuk Pandelega Rinong, lewat malam kelmarin.

Bukan tidak yakin kepada keupayaan dirinya, Dhabitah berkata, persaingan daripada peserta lain yang cukup hebat menyaksikan agak sukar untuk memenangi pingat terutama pada peringkat awal pertandingan.

“Masih rasa bagai mimpi apabila berjaya memenangi pingat pertama saya di Kejohanan Dunia. Saya sangat bersyukur kerana mempunyai rakan gandingan yang baik untuk membantu saya mengharung pertandingan dalam acara ini.

“Saya juga tidak boleh melakukannya tanpa bimbingan jurulatih selain pasukan sokongan yang memberi sokongan padu di venue pertandingan dan penyokong menakjubkan di tanah air,” kata Dhabitah.



PANDELEGA dan Dhabitah meraih gangsa selepas mengutip keseluruhan 298.68 mata.

tah menerusi laman Instagram miliknya.

Dhabitah dan Pandelega meraih gangsa selepas mengutip keseluruhan 298.68 mata manakala pasangan China Chen Yuxi dan Quan Hongchan menepati ramalan apabila memenangi emas dengan catatan 368.40 mata.

Pasangan dari Amerika Syarikat, Delaney Schnelle

dan Katrina Young mengutip 299.40 mata untuk meraih perak.

Untuk rekod, ia adalah pingat pertama Dhabitah di Kejohanan Dunia selepas gagal menaiki podium dalam tiga edisi terdahulu pada 2015, 2017 dan 2019.

Sementara itu, Pandelega berkata, kejayaan itu cukup bermakna terutama selepas berjaya membawa

pulang gangsa kedua peribadinya pada edisi kali ini selepas turut memenanginya dalam acara 10m platform individu Selasa lalu.

Ini adalah kejayaan podium ketiga buat gandingan Dhabitah-Pandelega selepas memenangi gangsa Sukan Komanwel Glasgow 2014 dan emas Sukan Sea Hanoi 2021.